

REVISI 2

Persidangan Umum Ketahunan Ke-181
Sidang Petang Hari Ahad, April 3, 2011

Suatu Panji bagi Bangsa-Bangsa

Elder Jeffrey R. Holland

Kuorum Dua Belas Rasul

Sebelum meninggalkan Nauvoo pada musim sejuk tahun 1846, Presiden Brigham Young menerima sebuah mimpi yang di dalam-nya dia melihat seorang malaikat yang berdiri di atas sebuah bukit yang berbentuk kon, di suatu tempat di bahagian barat, sedang menunjuk ke sebuah lembah di bawah. Bila dia masuk Lembah Salt Lake kira-kira 18 bulan selepasnya, dia melihat cuma sedikit atas tempat di mana kita dikumpul sekarang bukit yang sama itu yang dia lihat dalam penglihatan.

Seperti yang sering kali dikisahkan dari mimbar ini, Brother Brigham memimpin beberapa pemimpin ke puncak bukit itu dan mengisytiharkan-nya “Puncak Panji,” suatu nama penuh dengan maksud keagamaan bagi orang-orang Israel zaman akhir ini. Dua puluh lima ratus tahun sebelum-nya nabi Yesaya telah menyatakan bahawa pada zaman akhir, “gunung rumah Tuhan akan ditegakkan di puncak gunung-gunung...dan [di sana] Dia akan menegakkan suatu panji bagi bangsa-bangsa.”¹

Memandang saat dalam sejarah itu sebagai sebahagian kegenapan nubuat itu, para pemimpin Gereja mahu menaikan sejenis bendera untuk membuatkan dengan harfiah gagasan “suatu panji bagi bangsa-bangsa” ini. Elder Heber C. Kimball mengambil sebuah sapu tangan kuning. Brother Brigham mengikat-nya pada sebatang tongkat yang dibawa oleh Elder Willard Richards dan menanam bendera sementara itu, mengisytiharkan lembah Great Salt Lake dan gunung-gunung yang mengelilingi-nya untuk menjadi tempat itu yang dinubuatkan yang dari-nya firman Tuhan akan dikeluarkan pada zaman akhir.

Saudara-saudari, Persidangan Umum ketahunan dan kesetengah-tahunan ini adalah penerusan pernyataan awal kepada dunia. Saya bersaksi bahawa peristiwa-peristiwa dua hari ini adalah suatu bukti tambahan lagi bahawa, seperti lagu rohani kita mengatakan, “Tengok, panji Sion terbentanglah!”² Bukanlah dengan sembarangan bahawa pesan-pesan kami dari Persidangan Umum diterbitkan di dalam sebuah majalah yang berjudul dalam bahasa Inggeris, the *Ensign* [Panji].

Semasa persidangan kita mendekati tamat-nya, saya meminta agar kamu, dalam hari-hari yang berikut, mempertimbangkan bukan sahaja pada pesan-pesan yang telah kamu dengarkan tetapi juga pada fenomena unik Persidangan Umum ini—apa yang kita sebagai Orang Suci Zaman Akhir percaya persidangan begini ada dan pada apa kita menjemput dunia untuk mendengar dan mengamati di sekitar mereka. Kita menyaksikan kepada setiap bangsa, kaum, bahasa, dan khalayak bahawa bagi masa dan zaman kita nasihat yang telah kamu dengar adalah, di bawah petunjuk Roh Kudus, “kehendak Tuhan...firman Tuhan...suara Tuhan, dan kekuasaan Allah bagi penyelamatan.”³

Mungkin kamu sudah tahu (tetapi kalau tidak kamu harus tahu) bahawa tiada sesiapa yang berceramah di sini yang diberikan tajuk sebelumnya kecuali dengan jarangkali. Setiap pembicara mesti berpuasa dan berdoa, belajar dan mencari, menulis dan menulis semula ceramah-nya sehingga dia menjadi yakin bahawa bagi persidangan ini, pada masa ini, itulah tajuk yang Tuhan mahu bagi dia untuk menyampaikan tanpa memperhatikan keinginan pribadi dia sendiri. Setiap orang yang telah kamu dengar selama sepuluh jam dalam Persidangan Umum ini telah berusaha untuk mengikuti dorongan itu. Setiap satu telah menangis, berkerisauan, dan mencari dengan rajin arahan dari Tuhan untuk membimbing fikiran dan ucapan dia. Dan sama seperti Brigham Young melihat seorang malaikat berdiri di atas tempat ini, saya juga melihat para malaikat ini berdiri di sini. Saudara-saudari saya di antara para Penguasa Umum mungkin tidak selesa dengan dipanggil para malaikat, tetapi itulah bagaimana saya memandang mereka—penyampai fana dengan pesan suci, orang lelaki dan wanita yang mempunyai semua kesusahan secara jasmani, kewangan, dan kekeluargaan yang kamu dan saya punyai, tetapi yang dengan iman telah membaktikan kehidupan mereka pada panggilan yang telah datang kepada mereka, dan pada tugas untuk mengkhutbahkan firman Tuhan, bukan pendapat mereka sendiri.

Dan timbangkanlah pelbagai pesan yang kamu dengar, yang menyebabkan Persidangan Umum rasa lebih ajaib kerana tiada penyelarasan kecuali arahan Syurga. Memang pesan-pesan ini berbeza; kenapa tidak? Kebanyakan dari jemaah kita, kalau di sini atau di lain tempat, terdiri dari ahli Gereja. Namun, dengan cara-cara komunikasi baru yang ajaib, bahagian yang makin besar dari para penonton kita belumlah ahli Gereja. Jadi kita mesti bercakap kepada mereka yang kenal kita dengan baik, dan kepada mereka yang belum kenal kita sama sekali. Memikirkan cuma pada ahli-ahli Gereja kita mesti bercakap kepada budak-budak, remaja-remaja dan dewasa muda, yang paruh baya, dan yang tua. Kita mesti bercakap kepada keluarga dan ibubapa dan anak-anak yang masih di rumah, sama seperti kita bercakap kepada mereka yang belum berkhawin, tanpa anak,

dan barangkali sangat jauh dari rumah. Selama satu Persidangan Umum, kami sentiasa menekankan kebenaran-kebenaran abadi yaitu iman, harapan, ihsan, dan Kristus yang Disalibkan, 4 sama seperti kami bercakap dengan terus terang tentang tajuk-tajuk moral yang berkaitan pada masa itu. Kita diperintahkan dalam tulisan suci: “Kepada angkatan ini jangan katakan sesuatupun selain pertaubatan” 5 sambil mengkhutbahkan “kabar baik kepada orang-orang sengsara dan merawat orang-orang yang remuk hati.” Semua ceramah di persidangan ini, tak kira tajuk khusus, “memberitakan pembebasan kepada orang-orang tawanan” dan mengkhabarkan “kekayaan Kristus, yang tidak terduga itu.” 6 Kerana banyak pesan yang berbeza disampaikan dalam persidangan ini, itu dianggap bahawa setiap orang akan mendengar sesuatu yang akan memberkati-nya. Berkaitan pada itu, saya fikir bahawa Presiden Harold B. Lee menjelaskan dengan baik bertahun-tahun yang lalu ketika dia bilang, “Nampaknya Injil ini bertujuan untuk menjadikan selesa yang tersiksa dan menyiksa yang selesa.” 7

Kami selalu mahu supaya pengajaran kami dalam Persidangan Umum adalah murah hati dan penuh sambutan sama seperti pengajaran Kristus ada. Dalam khutbah yang paling terkenal yang pernah disampaikan, Yesus bermula dengan menyatakan berkat-berkat yang sangat lemah lembut yang mana setiap satu di antara kita mahu tuntutan—berkat dijanjikan kepada yang miskin di hadapan Tuhan, yang suci dalam hati, yang membawa damai, dan yang lemah lembut. 8 Betapa mengilhami sifat-sifat orang bahagia itu dan betapa menenangkan kepada jiwa. Tetapi dalam khutbah yang sama itu, Juruselamat menurus untuk mengajar dengan menunjukkan betapa sempit jalan orang yang membawa damai sejahtera dan yang suci dalam hati. “Kamu telah mendengar yang difirmankan kepada nenek moyang kita: Jangan membunuh,” Dia cakap. “Tetapi Aku berkata kepadamu: Setiap orang yang marah terhadap saudaranya...harus dihadapkan ke Mahkamah Agama.” 9 Dan sama seperti itu, “Kamu telah mendengar firman: Jangan berzinah. Tetapi Aku berkata kepadamu: Setiap orang yang memandang perempuan serta menginginkannya, sudah berzinah dengan dia di dalam hati-nya.” 10 Sangat nyata bahawa semasa kita menjadi murid yang lebih setia, lebih diharapkan daripada kita sampai kita menghadapi kewajiban tertinggi yang sangat menakutkan, yaitu, “Kerana itu haruslah kamu sempurna, sama seperti Bapamu yang di syurga adalah sempurna.” 11 Permulaan kemuridan, bila kita baru belajar tentang Injil, lebih senang, namun untuk bertahan sebagai seorang murid menjadi makin bercabaran dan susah apabila kita tiba di puncak kemuridan sejati. Sangat jelas bahawa sesiapa yang berfikir Yesus mengajar bahawa manusia tidak bertanggungjawab bagi dosa mereka tiada menyelidiki tulisan suci dengan perhatian! Bukan, mengenai pemuridan kita, Gereja ini bukan seperti restoran

makanan segera di mana boleh kita pesan apa-apa yang kita mahu. Pada hari yang akan datang, *setiap* lutut akan bertekuk, dan *setiap* lidah mengaku bahawa Yesus adalah Kristus dan mengaku bahawa keselamatan cuma boleh datang dalam cara-Nya sendiri. 12

Walaupun kami mahu mengkhutbahkan kebenaran Injil baik yang ketat maupun yang menenangkan dalam Persidangan Umum, sila diyakinkan bahawa apabila kami bercakap mengenai subjek-subjek yang berat kami faham bahawa tidak semua orang menonton barang lucu, melalaikan perkhawinan, atau berperanan dalam hubungan seksual yang haram. Kami tahu bahawa tidak semua orang melanggar Hari Sabat atau mengucapkan saksi dusta atau menyiksa pasangan-nya. Kami tahu bahawa kebanyakan dalam para penonton kami *tidak* bersalah dengan hal-hal ini, namun kami di bawah sebuah perintah suci untuk memberi amaran kepada mereka yang bersalah, di tempat manapun di mana mereka berada di dunia ini. Jadi kalau kamu sedang berupaya sebaik yang mungkin—jika, misalnya, kamu terus mencuba untuk mengadakan malam keluarga walaupun ada kacau-bilau itu yang kadang-kadang memerintah dalam keluarga penuh dengan budak-budak yang mahir membuat kacau-bilau—maka bila tajuk itu dibincang, kasih tahu diri sendiri bahawa kamu lulus mengenai tajuk itu dan perhatikanlah pada ceramah lain yang tentang tajuk-nya kamu perlu memperbaiki. Kalau kami mengajar dengan Roh Kudus dan kamu mendengar dengan Roh Kudus, seorang pembicara akan mengatakan sesuatu yang berkaitan pada keadaan kamu, akan menghantar pesan berwahyu kepada kamu.

Saudara-saudari, dalam Persidangan Umum kami menawarkan kesaksian kami di samping kesaksian-kesaksian yang sudah diucapkan, kerana, tak kira bagaimana, suara Tuhan akan didengar.

“Aku mengutusmu ke luar untuk bersaksi dan memperingatkan orang-orang,” Tuhan berfirman kepada para nabi-Nya.

“[Dan] setelah kesaksianmu datanglah kesaksian daripada gempa bumi...daripada guntur...suara kilat, dan suara badai, dan suara ombak laut yang menghempaskan dirinya di luar batas-batasnya...

“Dan para malaikat akan...berseru dengan suara nyaring, membunyikan sangkakala Tuhan.” 13

Para malaikat ini yang datang ke mimbar ini telah, setiap satu dengan cara sendiri, “membunyikan sangkakala Tuhan.” Setiap khutbah yang diucapkan selalu adalah baik sebuah kesaksian dan sebuah amaran, bahkan seperti alam diri-nya sendiri akan baik bersaksi dan memperingatkan pada zaman akhir.

Sekejap lagi Presiden Monson akan datang ke mimbar ini untuk mengakhiri persidangan ini. Biar saya mengatakan sesuatu tentang orang terkasih ini, rasul utama dan nabi untuk masa kita sekarang. Dengan menimbangkan tanggungjawab-tanggungjawab yang sudah saya katakan, sangat nyata bahawa kehidupan para nabi tidak senang, dan kehidupan Presiden Monson tidak senang. Dia dipanggil ke dalam kerasulan pada usia 36, anak-anaknya berumur 12, 9, dan 4. Sister Monson dan budak-budak itu telah memberikan suami serta ayah mereka pada Gereja dan tugas-tugasnya selama lebih daripada lima puluh tahun. Mereka telah bertahan melalui penyakitan dan kewajipan, serta cabaran yang kurang besar dalam kefanaan yang semua orang hadapi, separuh daripadanya memang mesti mereka hadapi pada masa yang akan datang. Tetapi Presiden Monson bertahan selalu gembira melalui segalanya. Tiada apa-apa yang mengecilkan hatinya. Dia mempunyai iman dan tenaga yang luar biasa.

Presiden, kami menyayangi serta menghormati kamu. Kesetiaan kamu adalah contoh kepada kami semua. Kami berterimakasih kepada kamu atas pimpinan. Empat belas orang lain yang memegang pejabat kerasulan, tambah orang lain yang berada di pentas ini, mereka yang berduduk dalam jemaah di depan kami, dan ramai orang lagi yang dikumpulkan di seluruh dunia menyayangi kamu, menyokong kamu, dan berdiri bersama kamu dalam pekerjaan ini. Kamulah salah satu penyuruh suci dipanggil sejak sebelum dunia dijadikan untuk melambatkan panji Injil Yesus Kristus ke seluruh dunia. Kamu sedang membuat itu dengan baik. Saya bersaksi tentang Injil itu yang sedang dinyatakan dan keselamatan itu yang Injil ini sediakan. Dalam nama Yesus Kristus, amin.

Catatan

1. Yesaya 2:2; 11:12.
2. *Nyanyian Rohani*, no. 1, "Pagi Tiba, Gelap Lenyap."
3. Ajaran dan Perjanjian 68:4.
4. 1 Korintus 13:13; 1:23.
5. Ajaran dan Perjanjian 6:9; 11:9.
6. Yesaya 61:1; Efesus 3:8.
7. Lihat "The Message My Dear Young Fellow Workers," *New Era*, Jan. 1971, 4.
8. Lihat Matius 5:3-12.

9. Matius 5:21-22; lihat 3 Nefi 12:22.

10. Matius 5:27-28.

11. Matius 5:48.

12. Lihat Roma 14:11; Mosia 27:1.

13. Ajaran dan Perjanjian 88:81, 89-90, 92.